



Salahuddin bersama pegawai Jabatan Pertanian pada Program Memperkasakan Perkembangan Pertanian 2018 di MAEPS, Serdang, semalam.

Syor tubuh universiti tumpu industri pertanian

➔ Usaha tingkat kemahiran teknologi baharu pada masa depan

Oleh Hidayatul Akmal Ahmad
hidayatulakmal@nstp.com.my

✦ Serdang

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berhasrat menubuhkan sebuah universiti yang memberi tumpuan kepada industri pertanian dalam usaha memacu dan memajukan lagi sektor berkenaan pada masa akan datang.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, keperluan membangunkan sebuah universiti pertanian adalah amat penting dalam usaha meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan teknologi baharu seperti

yang dilakukan Universiti Chulalongkorn dan Universiti Chiangmai di Thailand.

Bincang dengan UPM

“Pihak kami akan mengadakan perbincangan secara formal dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) terlebih dahulu memandangkan UPM dikenali sebagai universiti yang membangunkan industri pertanian.

“Idea ini akan diperhalusi sebaiknya dan perbincangan dua hala bersama UPM perlu diadakan apatah lagi UPM juga mempunyai sebuah kampus cawangan yang memberi fokus kepada bidang pertanian di Bintulu, Sarawak.

“Kami juga akan mengadakan

perbincangan dengan kementerian pendidikan mengenai perkara ini tidak lama lagi,” katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri program Memperkasakan Sistem Pengembangan Jabatan Pertanian di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini, semalam.

Salahuddin berharap, impian menubuhkan universiti pertanian akan dapat direalisasikan dalam tempoh tiga hingga empat tahun dari sekarang bagi melahirkan lebih ramai petani moden serta meningkatkan ekonomi negara.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan.